

PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 6

TAJUK: KATEGORI JARING

SUBTAJUK:BIJAK SERVIS

SK:1.7

SP: 1.7.1, 1.7.2


NAMA:

KELAS:

Bijak Servis

Patarai memulakan permainan bola kaki dengan melakukan **servis** secara sepak sila dari lambungan bola rakan sepasukannya. Patarai perlu memastikan bola yang diservis melepasi jaring dan memasuki gelanggang pasukan lawan. Pemain lawan yang menerima bola yang diservis perlu mengawal bola tersebut sebelum menghantar kepada rakan sepasukan untuk dikembalikan. Patarai dan rakan sepasukannya melakukan kemahiran menanduk dan mengumpan untuk memenangi permainan ini.

Pandang pergerakan bola. Halakan kaki menyepak ke arah sasaran dengan berat badan pada kaki sokongan.



INFORMASI

Koordinasi antara ketinggian lambungan bola dengan kelajuan ayunan kaki ke hadapan diperlukan untuk melakukan servis yang baik.

Nota Guru


Cara bermain permainan bola kaki.

1. Bahagikan murid kepada kumpulan kecil.
2. Setiap pasukan akan bergilir-gilir melakukan servis kepada pihak lawan.
3. Penerima servis perlu menghantar bola yang dihantar oleh pihak lawan kepada rakan sepasukannya untuk mengembalikan servis dan memperoleh 1 mata.
4. Jika gagal berbuat demikian, pasukan yang melakukan servis akan memperoleh 1 mata.
5. Pasukan yang memperoleh mata terbanyak ialah pemenang.

1.7.1, 1.7.2, 2.7.1, 2.7.2, 5.2.2

SOALAN 2.

JAWAB SOALAN DI BAWAH BERPANDUKAN GAMBAR DIBERI.



a) Apakah yang perlu dilakukan oleh pemain A?

b) Apakah yang perlu dilakukan oleh pemain B?